

LATIHAN PENJODOH BILANGAN

NAMA:

KELAS:

Baca petikan di bawah dan senaraikan 10 penjodoh bilangan yang terdapat di dalam petikan.

Ibu dan bapa Adira telah menghadiahkan sebuah telefon bimbit dan seutas gelang tangan emas kepada Adira sempena hari lahirnya yang ke-10. Adira memakai sehelai baju baru yang cantik dan berasa teruja bagi majlis sambutan hari lahirnya. Ibu dan bapa Adira telah menjemput ramai kenalan rapat, jiran tetangga serta rakan-rakan Adira bagi memeriahkan majlis hari lahir yang diadakan di rumahnya.

Ibu Adira menyediakan pelbagai menu yang enak seperti nasi ayam, pasta karbonara, 200 cucuk sate dan sebiji kek coklat yang besar. Adira berasa sangat gembira kerana menerima pelbagai hadiah daripada tetamu yang hadir. Antara hadiah yang diperolehi oleh Adira ialah sejambak bunga mawar, sepuluh kotak coklat, sepasang baju kurung, dan senaskhah majalah Asuh. Kakak Adira telah menghadiahkan sebentuk cincin emas kepadanya. Adira mengucapkan terima kasih dan memberikan buah tangan kepada semua tetamu yang hadir ke majlis sambutan hari lahirnya itu.

Senaraikan 10 penjodoh bilangan yang terdapat dalam petikan di atas mengikut urutan.

- | | |
|----|-----|
| 1. | 6. |
| 2. | 7. |
| 3. | 8. |
| 4. | 9. |
| 5. | 10. |